

SOALAN 3: PENYUNTINGAN

Dalam petikan 1, terdapat **tiga kesalahan ejaan** manakala dalam petikan 2 terdapat **tiga kesalahan imbuhan** dan petikan 3 terdapat **tiga kesalahan frasa adjektif**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan.

PETIKAN 1

Semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri diadakan, tuan rumah menghidangkan nasi himpit, rendang daging, serunding, dan ketupat kepada tetamu. Pada Tahun Baharu Cina pula, masyarakat Tianghoa menghidangkan kuih bahu dan kuih bakul kepada tetamu yang hadir. Pada hari Deepavali, masyarakat Hindu pula biasanya menghidangkan makanan tradisional seperti wade, tose, kari ayam, dan putu mayam kepada tetamu yang hadir dalam majlis rumah terbuka.

KESALAHAN	PEMBETULAN

PETIKAN 2

Penceramah bahasa itu memberi panduan tentang penulisan yang matang dan cemerlang kepada murid yang menghadirkan diri dalam bengkel itu. Bengkel ini memberikan banyak kebaikan kepada murid yang berbakat dalam bidang penulisan kreatif. Pihak penganjur berharap agar pelibatan murid dalam bengkel ini dapat mengasah bakat dan menyakinkan mereka dalam usaha menghasilkan karya kreatif yang bermutu.

KESALAHAN	PEMBETULAN

PETIKAN 3

Menara yang sangat tinggi di bandar raya pelancongan itu terkenal sekali di rantau Asia kerana pemandangan yang teramat indah nian kelihatan dari tingkat 88 bangunan itu. Beberapa orang jurutera dari luar negara yang dapat memainkan peranan yang sangat penting sekali diimport untuk memastikan keselamatan struktur bangunan yang diberikan perhatian oleh golongan pakar yang tersungguh professional. Pada hari ini, menara yang diberikan nama Menara KLCC itu sudah menjadi mercu tanda Bandar Raya Kuala Lumpur yang paling sangat kita cintai.

KESALAHAN	PEMBETULAN